

## Corak Penulisan Tafsir di Indonesia Abad Ke-21 (2001-2019)

Muhammad Amal Fathullah<sup>1</sup> (Corresponding author) & Muhd Najib bin Abdul Kadir<sup>2</sup>

Email: <sup>1</sup>amalfathullah1991@yahoo.com & <sup>2</sup>abunaseh@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Calon Sarjana di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>2</sup>Pensyarah kanan di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

### Abstrak

Kesungguhan para ilmuwan Indonesia mentafsirkan al-Quran merupakan suatu keperluan untuk mendekatkan umat Islam di Indonesia untuk memahami isi kandungan al-Quran. Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti penulisan karya-karya tafsir di Indonesia pada abad ke-21 (2001-2019). Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang mana proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah analisis dokumen. Manakala proses penganalisan data pula dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa tafsiran secara *maudu'i* mendominasi penghasilan karya-karya tafsir di Indonesia pada masa kini. Dalam masa yang sama, tumpuan pentafsiran al-Quran kebanyakannya berdasarkan ayat-ayat yang terpilih. Hal ini berlaku kerana, kebanyakan ayat-ayat tersebut merupakan ayat-ayat yang sering dipelajari, dihafal dan dibaca oleh umat Islam.

**Kata kunci:** Penulisan tafsir, Indonesia, Abad 21

## Exegetical Writing Style in Twenty-First Century Indonesia (2001-2019)

### Abstract

The urgency of Indonesian scholars to interpret the Quran is a necessity to bring the Indonesian Muslims society closer to understand the contents of the Quran. The focus of this research is to identify the exegetical works of the Quran in the 21<sup>st</sup> century (2001-2019) in Indonesia. This research uses qualitative design method, whereby data collection was carried out by analysing documents. Meanwhile, the obtained data was analyse using descriptive method. It is discovered that, these days, the *maudu'i* technique is dominates the exegetical writing style in Indonesia. The focus of the interpretation of the Quran are mostly based on selected chapters. This is due to the selected chapters are the most often studied, memorised and recited by the Muslim.

**Keywords:** Quranic interpretation, exegetical writing style, Indonesia, 21st century

### 1. Pengenalan

Perkembangan tafsir al-Quran di Indonesia pada abad ke-21 Masihi, kini semakin menyerlah dan mengalir ke dalam pelbagai metode dan corak pentafsiran yang digunakan sekali gus merupakan konsekuensi daripada perkembangan ilmu tafsir. Hal ini bertepatan dengan pandangan Musyrifah (2007) yang menyimpulkan bahawa tafsir al-Quran merupakan hasil karya manusia. Justeru itu, pentafsiran al-Quran di antara satu mufassir dengan mufassir yang lain mempunyai perbezaan. Hal ini terjadi bukan hanya disebabkan oleh perbezaan latar belakang pendidikan seseorang, bahkan ia juga dipengaruhi oleh peristiwa-peristiwa sejarah, politik, pemikiran serta keadaan masyarakat ketika itu.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti karya-karya tafsir yang dihasilkan oleh ulama dan cendekiawan di Indonesia abad ke-21 (2001-2019). Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan kerangka konsep yang dibuat oleh Siti Wahidah binti Mustapa (2017) dalam kajiannya yang berjudul “*Corak Penulisan Tafsir di Malaysia Abad Ke-21 (2001-2015)*”. Kajian ini berbentuk kualitatif yang mengambil pendekatan analisis dokumen dalam pengumpulan data. Ia terdiri daripada buku, artikel, jurnal serta tesis. Antara dokumen dan buku yang dijadikan sumber bagi mendapatkan data kajian adalah berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Sofyan Saha (2015) bertajuk “*Perkembangan Penulisan Tafsir Al-Qur'an di Indonesia Era Reformasi*”, kajian

Ahmad Atabik (2014) berjudul “*Perkembangan Tafsir Modern di Indonesia*” dan karya Islah Gusmian (2013) bertajuk “*Khazanah Tafsir Indonesia: Dari Hermeneutika hingga Ideologi*”. Kemudian data ini akan dianalisis secara deskriptif. Di samping itu, kajian ini telah menentukan metodologi pentafsiran yang digunakan sama ada secara *ijmali, tahlili, maudu’i*, dan *muqaran*. Dalam pada itu, jenis penulisan juga diambil kira dalam kajian ini seperti surah, juzuk, ayat-ayat yang dipilih serta tertib mashaf. Data kemudiannya disusun mengikut kronologi tahun bermula daripada tahun 2001 sehingga 2019.

## 2. Penulisan Karya-Karya Tafsir di Indonesia Abad Ke-21

Abror (2002) mengatakan bahawa tafsir Indonesia adalah kitab-kitab tafsir atau karya-karya dibidang tafsir yang mempunyai karakteristik atau ciri khas lokal Indonesia. Maksud daripada karakteristik dan ciri khas lokal Indonesia adalah sebuah kitab tafsir yang ditulis oleh orang atau yang dikaryakan dengan menggunakan bahasa lokal Indonesia, baik menggunakan salah satu bahasa daerah di Indonesia (misal bahasa Jawa, bahasa Sunda) mahupun dengan bahasa Indonesia sendiri. Usaha dalam memahami pesan-pesan al-Quran dengan bahasa Indonesia (Melayu) dan bahasa daerah telah dimulai dari awal-awal Islam masuk di Indonesia, sebelum pesantren-pesantren berdiri.

Sebagai salah satu bahagian dari kawasan Nusantara, berbandingkan dengan Malaysia, Singapura, Brunei, mahupun Thailand, Indonesia merupakan wilayah yang memberikan ruang yang luas bagi berkembangnya pemikiran Islam, termasuk dalam bidang tafsir. Para penulis tafsir al-Quran di Indonesia berasal dari latar belakang keilmuan dan basis identiti sosial yang beragam. Basis identiti sosial ini saling pelbagai, ertinya satu penulis tafsir boleh mempunyai lebih dari satu identiti, pertama; identiti sosial ulama, kedua; identiti sosial cendekiawan-ahli akademik, ketiga; identiti sastrawan-budayawan; dan keempat, identiti sosial birokrat, kelima; identiti sosial ahli politik (Islah Gusmian 2015).

Justeru itu, pengaruh daripada latar belakang keilmuan dan basis identiti sosial yang beragam tersebut telah mewarnai kepelbagaian corak pentafsiran al-Quran yang dibawa oleh mereka. Dakwaan ini memang tepat kerana mengikut kajian Gusmian (2015) karya-karya tafsir yang telah sedia ada pada period ini menggambarkan adanya kepelbagaian model teknis penulisan tafsir serta metodologi tafsir yang diguna pakai. Hal ini merupakan salah satu arah yang memperlihatkan adanya trend-trend baharu yang unik dalam proses penulisan karya tafsir. Secara keseluruhannya jadual berikut menunjukkan jumlah karya tafsir di Indonesia abad ke-21 (2001-2019):

Bil	Tahun Terbitan	Nama Kitab	Penulis/ Penterjemah	Metodologi Tafsir	Jenis Penulisan
1.	2001	Tafsir Al-Misbah	M. Quraish Shihab	<i>Tafsir Tahlili</i>	Tertib Mushaf
2.	2001	Hidangan Halal Haram Keluarga Muslim: Kajian Al-Qur’an Surah Al-Maidah	Abdul Hamid M.T	<i>Tafsir Maudu’i</i>	Surah
3.	2001	Tafsir Maudhu’i: Solusi Al-Qur’an atas Masalah Sosial Kontemporer	Nashruddin Baidan	<i>Tafsir Maudu’i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
4.	2002	Qur’an Al-Karim, Bayani: Memahami Makna Al-Qur’an	Ahmad Mudjab	Terjemahan	Surah
5.	2003	Al-Fatihah: Membuka Mata Batin dengan Surah Pembuka	Achmad Chodjim	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
6.	2003	Tafsir Al-Hidayah: Ayat-Ayat Akidah	Sa’ad Abdul Wahid	<i>Tafsir Maudu’i</i>	Ayat-ayat yang dipilih

7.	2003	Kontekstual Al-Qur'an: Kajian Tematik atas Ayat-Ayat Hukum dalam Al-Qur'an	Umar Shihab	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
8.	2003	Matematika Al-Qur'an	Fahmi Basya	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
9.	2004	Tafsir Kontemporer Juz 'Amma	Aam Aminuddin	<i>Tafsir Ijmali</i>	Juzuk
10.	2004	Permata Terpendam Tafsir Surah-Surah: As-Sajdah, Yasin, Ar-Rahman, Al-Waqiah, Al-Mulk	T. H Thalhas	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
11.	2004	Tafsir Surah Al-Fatihah	A. Rofiq Zainul M.	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
12.	2004	Tafsir Inklusif Makna Islam	Ajat Sudrajat	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
13.	2004	Tafsir Maudhu'i Al-Muntaha	Tim Sembilan	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
14.	2005	Tafsir Surat Al-Fatihah	Aceng Zakaria	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
15.	2005	Permata Terpendam (II) Tafsir Surah-Surah: Al-Kahfi, Al-Fath, Nuh, Al-Muzammil, An-Naba'	T. H Thalhas	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
16.	2005	Tafsir Sosial: Mendialogkan Teks dengan Konteks	Waryono Abd G.	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
17.	2005	Tafsir Ayat-Ayat Haji: Menuju Baitullah Berbekal Al-Qur'an	Mukhtar Adam	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
18.	2006	Meraih Makrifat: Tafsir Hamka atas Ayat-Ayat Hati	Jejen Musfah	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
19.	2006	Tafsir Cinta: Tebarkan Kebajikan dengan Spirit Al-Qur'an	M. Asyhari	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
20.	2006	Wawasan Al-Quran Tentang Doa dan Zikir	M. Quraish Shihab	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
21.	2007	Tafsir Al-Qur'an Juz 30	Zaini Dahlan	<i>Tafsir Ijmali</i>	Juzuk
22.	2007	Tipologi Manusia dalam Al-Qur'an	Yunahar Ilyas	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
23.	2007	Tafsir Mazhab Indonesia	M. Nur Kholis	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
24.	2007	Hidup Bersama Al-Qur'an: Jawaban Al-Qur'an Terhadap Problematika Sosial	W. Abdul Ghafur	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
25.	2007	Tafsir Tematik Al-Qur'an	Hasyim Muhammad	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat

		dan Masyarakat			yang dipilih
26.	2008	Tafsir Al-Lubab	M. Quraish Shihab	<i>Tafsir Ijmali</i>	Tertib Mushaf
27.	2008	Tafsir Al-Ma'un	Nurkhaliq Ridwan	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
28.	2008	Tafsir Tarbawi: Kajian Analisis dan Penerapan Ayat-Ayat Pendidikan	Rohimin	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
29.	2008	Tafsir Tarbawi	Ahmad Munir	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
30.	2008	Tafsir Ayat-Ayat Pendidikan	Abuddin Nata	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
31.	2008	Ayat-Ayat Semesta: Sisi Al-Qur'an yang Terlupakan	Agus Purwanto	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
32.	2008	Subhanallah: Quantum Bilangan-Bilangan dalam Al-Qur'an	Muhammad Mas'ud	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
33.	2008	Tafsir Ibadah	Abd Khaliq Hasan	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
34.	2008	Tafsir Ayat Ahkam	Luthfi Hadi A.	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
35.	2008	Tafsir Ayat-Ayat Ahkam	E. Syibili Syarhaya	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
36.	2009	Tafsir Kontemporer Surat Yasin	Nashruddin Baidan & Erwati Aziz	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
37.	2009	Tafsir Qur'an Per Kata: Dilengkapi dengan Asbabun Nuzul & Terjemah	Ahmad Hatta	<i>Tafsir Tahlili</i>	Tertib Mushaf
38.	2009	Tafsir Azkiyah	Atabik Luthfi	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
39.	2009	Pengantin Al-Quran	M. Quraish Shihab	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
40.	2009	Tafsir Ayat-Ayat Wanita: Penjelasan Hukum-Hukum Kewanitaan dalam Al-Qur'an	Asy-Syafi'i Imtihan	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
41.	2010	Ensiklopedia Al-Qur'an dan Tafsirnya	Ibrahim Hosen	<i>Tafsir Tahlili</i>	Tertib Mushaf
42.	2010	Tafsir Kebahagiaan: Pesan Al-Qur'an Menyikapi Kesulitan Hidup	Jalaluddin Rahmat	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
43.	2010	Takwa: Makna dan Hikmahnya dalam Al-Qur'an	M. Ashaf Shaleh	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
44.	2010	Al-Qur'an dan Hamonitas Antariman	Arifinsyah	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih

45.	2010	Tafsir Al-Wa'ie	Rokhmat S. Labib	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
46.	2010	Al-Qur'an Kitab Toleransi	Zuhairi Misrawi	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
47.	2010	Al-Quran dan Maknanya	M. Quraish Shihab	Terjemahan	Tertib Mushaf
48.	2010	Malaikat dalam Al-Quran	M. Quraish Shihab	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
49.	2010	Jin dalam Al-Quran	M. Quraish Shihab	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
50.	2010	Setan dalam Al-Quran	M. Quraish Shihab	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
51.	2011	Tafsir Populer Al-Fatihah	M. Alcaff	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
52.	2011	Energi Surah Yasin	M. Hidayat Nur W.	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Surah
53.	2011	Tafsir Ayat Ahkam	Kadar M. Yusuf	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
54.	2012	Tafsir Inspirasi: Inspirasi Dari Kitab Suci Al-Qur'an	Zainal Arifin Zakaria	<i>Tafsir Ijmali</i>	Tertib Mushaf
55.	2012	Tafsir Kontemporer Surat Al-Fatihah	Nashruddin Baidan	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
56.	2012	Pribumisasi Al-Qur'an Tafsir Berwawasan Keindonesiaan	M. Nur Kholis	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
57.	2012	Ensiklopedia Fenomena Alam dalam Al-Qur'an: Menguak Rahasia Ayat-Ayat Al-Qur'an Kauniyah	Muh Marufin S.	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
58.	2012	Pendidikan Karakter Berbasis Al-Qur'an	Ulil Amri Syafri	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
59.	2012	Kajian Tematik Al-Quran Tentang Kehidupan	Tim Angkasa	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
60.	2012	Kajian Tematik Al-Quran Tentang Fiqih Ibadah	Tim Angkasa	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
61.	2012	Tafsir Ayat-Ayat Keluarga: Agar Rumah tidak seperti Neraka	Ahmad Kusyairi	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
62.	2013	Tadabbur Al-Qur'an Juz 1 & Juz 2	Bachtiar Nasir	<i>Tafsir Tahlili</i>	Juzuk
63.	2013	Tafsir Juz Tabarak Khuluqun 'Azim	M. Yunan Yusuf	<i>Tafsir Tahlili</i>	Juzuk
64.	2013	Misteri Surah Yasin	Achmad Chodjim	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
65.	2013	Tafsir Al-Fatihah: Menggali Makna Aktual	Waryono Abdul G.	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah

		Meraih Hikmah Kontekstual			
66.	2013	Tafsir Reformis Atas Kritik Al-Qur'an Terhadap Agama Lain	Mun'im Sirry	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
67.	2013	Tafsir Ayat Ekonomi: Teks, Terjemah, dan Tafsir	M. Amin Suma	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
68.	2013	Tafsir Tarbawi: Pesan-Pesan Al-Qur'an Tentang Pendidikan	Kadar M. Yusuf	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
69.	2013	Tafsir Tematik: Konsep Alat Bantu, dan Contoh Penerapannya	Su'aib H. Muhammad	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
70.	2014	Tafsir Salman: Surat An-Naba' s/d Surat Al-Nas	Tim ITB	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
71.	2014	Tafsir Sastrawi: Menelusuri Makna Puasa dalam Al-Qur'an	Wali Ramadhani	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
72.	2014	Al-Qur'an Tematik: Fakta Baru Matematika Al-Qur'an	Ismail Idris M.	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
73.	2014	Birrul Walidain: Wawasan Al-Quran Tentang Bakti Kepada Ibu Bapak	M. Quraish Shihab	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
74.	2014	Tafsir Tematik: Isu-Isu Kontemporer Perempuan	Anshori Siti Rahmah Aziz	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
75.	2015	Tafsir Ilmi	Kemenag R.I	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
76.	2015	Tafsir Hikmatul Balighah Juz XVII	M. Yunan Yusuf	<i>Tafsir Tahlili</i>	Juzuk
77.	2015	Tafsir Bun-Yanun Marshush Alqur'an Juz XVIII	M. Yunan Yusuf	<i>Tafsir Tahlili</i>	Juzuk
78.	2015	Tafsir Zanjabil: Surat Ali Imran	Abdurrahman R.A Nabil Almunawwar	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
79.	2015	Tafsir Mutakhir 3 Surah Terakhir: Al-Ikhlash, Al-Falaq, An-Nas	Achmad Chodjim	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
80.	2015	Tafsir Surah Al-Fatihah	Idrus Abidin	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
81.	2015	Tafsir Irsyadi: Tadabbur Ayat-Ayat Al-Qur'an	Atabik Luthfi	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
82.	2015	Rezeki Al-Qur'an: Solusi Al-Qur'an untuk yang Seret Rezeki	Nur Faizin M	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
83.	2015	Psikologi Qur'an : Tafsir Tematik Ayat-Ayat Sufistik	Hasyim Muhammad	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih

dalam Al-Quran					
84.	2016	Tafsir Ijmali	Muhibbin Noor	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
85.	2016	Tafsir Kitabun Hafizh: Tafsir Al-Qur'an Juz XXVI	M. Yunan Yusuf	<i>Tafsir Tahlili</i>	Juzuk
86.	2016	Tafsir Al-Fatihah dan Juz 'Amma	M. Chirzin	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
87.	2016	Tadabbur Al-Quran: Panduan Hidup Bersama Al-Quran Juz 29 & 30	Bachtiar Nasir	<i>Tafsir Tahlili</i>	Juzuk
88.	2016	Tafsir Surah Yasin	Khamami Zadah	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
89.	2016	Tafsir Keluarga: Menjadi Bahagia di Dunia dan di Akhirat	Ahmad Kusyairi S	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
90.	2016	Tafsir Ahkam: Ayat-Ayat Ibadah	M. Amin Suma	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
91.	2017	Tafsir Al-Qur'an Juz XXV: Ilaihi Yaruddu	M. Yunan Yusuf	<i>Tafsir Tahlili</i>	Juzuk
92.	2017	Tafsir Al-Qur'an Di Medsos: Mengaji Makna Dan Rahasia	Nadirsyah Hosen	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
93.	2017	Al-Bayan Tafsir Tematik Al-Qur'an	Wafi Marzuki A.	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
94.	2018	Tafsir Juz Amma	Firanda Andirja	<i>Tafsir Tahlili</i>	Juzuk
95.	2018	Tafsir Al-Quran Juz XXIV: Faman Azhlamu Rafiud Darajat	M. Yunan Yusuf	<i>Tafsir Tahlili</i>	Juzuk
96.	2018	Secangkir Tafsir Juz Terakhir	Salman Harun	<i>Tafsir Ijmali</i>	Juzuk
97.	2018	Menyulam Tafsir Surah Ar- Rum	Achmad Zayadi Mahasiswa Iat	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
98.	2018	Bilik-Bilik Tafsir Dalam Surah Al-Hujarat	Achmad Zayadi Mahasiswa Iat	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
99.	2018	Rahasia Surah Yasin	Asep Rahmat Dera Nugraha	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
100.	2018	Menggali Kandungan Makna Surat Yasin	Abu Utsman K.	<i>Tafsir Ijmali</i>	Surah
101.	2018	Tafsir Al-Amin: Bedah Surah Al-Fatihah	M. Amin Suma	<i>Tafsir Tahlili</i>	Surah
102.	2018	Tafsir Dekonstruksi Jihad dan Syahid	Asma Afsaruddin	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
103.	2018	Ayat-Ayat Nasihat	Mohammad As'adi	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
104.	2018	Tafsir Ekonomi	Abdul Wahid A.	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat

		Kontemporer	Nashr Akbar		yang dipilih
105.	2018	Tafsir Ayat-Ayat Pendidikan	M. Karman	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
106.	2018	Tafsir Inspiratif: Ayat-Ayat Al-Quran Pilihan Penggugah Jiwa	M. Tata Taufiq	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
107.	2019	Manusia dan Pendidikan: Perspektif Al-Quran	Abdul Kodir	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
108.	2019	Psikologi Al-Quran	Kadar M. Yusuf	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
109.	2019	Tafsir Tarbawi: Nilai-Nilai Pendidikan dalam Al-Quran	Salman Harun	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih
110.	2019	Tafsir Maudhu'i : Tafsir Al-Qur'an Tematik	Tim Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Qur'an	<i>Tafsir Maudu'i</i>	Ayat-ayat yang dipilih

Jadual 1: Senarai Karya Tafsir Di Indonesia Abad ke-21 (2001-2019)

### 3. Analisis Dan Perbincangan

Jadual 1 menunjukkan senarai karya tafsir di Indonesia mengikut tahun penerbitan, nama kitab bersama dengan penulis, metode pentafsiran dan jenis penulisan. Secara keseluruhan sepanjang tahun 2001 hingga 2019, pengkaji telah menemui sebanyak 110 buah karya tafsir yang dihasilkan oleh ulama dan cendekiawan Islam di Indonesia. Pada tahun 2001 terdapat 3 buah karya tafsir yang ditemui oleh pengkaji iaitu *Tafsir Al-Misbah, Hidangan Halal Haram Keluarga Muslim: Kajian Al-Qur'an Surah Al-Maidah*, dan *Tafsir Maudhu'i: Solusi Al-Qur'an atas Masalah Sosial Kontemporer*.

Namun begitu, pada tahun 2002 pengkaji hanya menemukan satu karya tafsir sahaja, iaitu *Qur'an Al-Karim, Bayani: Memahami Makna Al-Qur'an*, bahkan karya tafsir yang dihasilkan juga berbeza iaitu terjemahan daripada bahasa Jawa kepada bahasa Indonesia. Menurut Wachyuningsih (2007) yang mengatakan salah satu kitab tafsir berbahasa Jawa telah lahir dari buah karya seorang Kyai Ahmad Mudjab Mahalli, pengasas Pondok Pesantren Al-Mahalli Brajan Bantul Yogyakarta. Sikap kepeduliannya akan semangat masyarakat untuk mengetahui kandungan al-Quran sehingga dengan ketekunan beliau berjaya menghasilkan sebuah karya tafsirnya yang berjudul *Tafsir Al-Mahalli Limarifati Ayati Al-Qur'an Wazuliha*.

Pada tahun 2003 pula, mendedahkan pertumbuhan sebanyak empat karya tafsir iaitu *Al-Fatihah: Membuka Mata Batin dengan Surah Pembuka, Tafsir Al-Hidayah: Ayat-Ayat Akidah, Kontekstual Al-Qur'an: Kajian Tematik atas Ayat-Ayat Hukum dalam Al-Qur'an*, dan *Matematika Al-Qur'an*. Bahkan tiga daripadanya kitab tersebut menggunakan metode *tafsir maudu'i*. *Tafsir maudu'i* adalah antara karya tafsir yang sangat popular pada masa kini. Tambah Rijaluddin et al. (2014) *tafsir maudu'i* menghimpunkan pelbagai ayat yang memiliki tema yang sama pada satu tempat. Misalnya, jika pembaca ingin mengetahui ibadah menurut al-Quran, maka ia akan terus menyelami hakikat tersebut. Ini sedikit sebanyak akan memudahkan pembaca untuk mencapai matlamat yang dicari dalam masa yang lebih singkat. Justeru, masyarakat Islam hari ini sangat memerlukan kepada metode *tafsir maudu'i*. Ini kerana, tafsiran dengan metode sedemikian membolehkan seseorang memahami masalah dan fenomena yang dibahas dan segera sampai kepada masalah dengan jalan yang singkat, praktis dan mudah.

Begitu pula pada tahun 2004 hingga 2005, karya tafsir yang diterbitkan sebanyak lima dan empat yang dihasilkan. Selang 2 tahun ini lahirnya karya tafsir dengan jenis penulisan surah iaitu *Permata Terpendam Tafsir Surah-Surah: As-Sajdah, Yasin, Ar-Rahman, Al-Waqiah, Al-Mulk* dan *Permata Terpendam (II) Tafsir Surah-Surah: Al-Kahfi, Al-Fath, Nuh, Al-Muzammil, An-Naba'* terbitan Al-Mawardi Prima. Malangnya, pada tahun 2006 jumlah karya tafsir menurun kepada tiga buah karya tafsir sahaja diterbitkan. Malah kesemua buku yang terbit pada tahun ini menggunakan metode *tafsir maudu'i* iaitu *Meraih Makrifat: Tafsir Hamka atas Ayat-Ayat Hati, Tafsir Cinta: Tebarkan Kebajikan dengan Spirit Al-Qur'an, Wawasan Al-Quran Tentang Doa dan*



*Zikir.*

Pada tahun 2007, telah muncul *Tafsir Mazhab Indonesia* yang diterbitkan oleh Nawesea Press Yogyakarta karya Muhammad Nur Kholis Setiawan. Menurut M. Nurdin Zuhdi (2012) karya tafsir ini memperlihatkan bagaimana pentingnya nilai-nilai al-Quran dapat tersosialisasikan di tengah-tengah kehidupan sosial masyarakat luas. Tema-tema yang diusung dalam tafsir tipologi ini adalah isu-isu aktual yang berkembang di masyarakat. Sehingga tafsir ini terasa lebih membumi dan menyentuh realiti.

Bilangan karya tafsir pada tahun 2008 menunjukkan peningkatan sebanyak sembilan buah karya tafsir telah diterbitkan. Peningkatan tersebut telah melahirkan karya tafsir lengkap 30 juzuk iaitu *Tafsir Al-Lubab* yang dihasilkan oleh M. Quraish Shihab. Kitab *Tafsir Al-Lubab* ini merupakan tafsir singkat, padat, namun sistematis yang ditujukan kepada orang-orang yang hanya sedikit mempunyai waktu luang untuk mengisi dahaga pengetahuan agama di sela-sela kesibukan rutin bekerja. Juga dimaksudkan untuk para remaja, yang saat ini cenderung ingin mudah dan praktis dalam mengerjakan atau memahami segala sesuatunya (Mubaidillah 2016).

Akan tetapi, pada tahun 2009 jumlah karya tafsir menurun kepada lima buah karya tafsir telah diterbitkan. Malah buku pertama lebih kepada tafsir ijmal iaitu *Tafsir Kontemporer Surat Yasin* oleh Nashruddin Baidan dan Erwati Aziz, manakala buku kedua adalah *tafsir tahlili* iaitu *Tafsir Qur'an Per Kata: Dilengkapi dengan Asbabun Nuzul & Terjemah* oleh Ahmad Hatta. Seterusnya adalah *tafsir maudu'i* iaitu *Tafsir Azkiyah, Pengantin Al-Quran, Tafsir Ayat-Ayat Wanita: Penjelasan Hukum-Hukum Kewanitaan dalam Al-Qur'an*.

Bagi tahun 2010 pula, telah muncul karya tafsir terkini lengkap 30 juzuk iaitu *Ensiklopedia Al-Qur'an dan Tafsirnya*. Kitab tafsir ini disusun oleh para ahli tafsir al-Quran Indonesia dibawah koordinasi Departemen Agama Republik Indonesia yang diketuai oleh Ibrahim Hosen. Pada dekad 10 tahun terakhir ini karya tafsir di Indonesia menunjukkan peningkatan yang menggembirakan, sebanyak 70 karya tafsir telah diterbitkan sehingga tahun 2019. Pada tahun 2010 sahaja terdapat sepuluh karya tafsir.


Namun begitu, hanya tiga buah karya tafsir dapat dikesan pada tahun 2011. Setelah itu, bilangan tafsir pada tahun 2012 dan 2013 menunjukkan peningkatan yang stabil sebanyak delapan karya tafsir yang dihasilkan selama 2 tahun berturut dengan berbeza corak dan gaya pentafsiran. Walau bagaimanapun, tumpuan tidak berubah dan masih berpusat pada terjemahan, *tafsir ijmal*, *tafsir tahlili* dan *tafsir maudu'i*. Malangnya, jumlah karya tafsir menurun dengan pada tahun 2014 dengan hanya lima buah karya tafsir diterbitkan.

Pada tahun 2015, lahirnya karya *tafsir maudu'i* terbitan Kementerian Republik Indonesia iaitu *Tafsir Ilmi*. Period penulisan Tafsir Ilmi kedua dimulai pada tahun 2009 dalam bentuk berbeza. Kajian penyusunan tersebut berlangsung selama 5 tahun dan telah menghasilkan 19 judul buku. Menurut Muchlis (2020), selain banyak kelebihan dalam buku-buku tersebut, ada beberapa kekurangan yang sering menjadi catatan para pengkaji, di antaranya; cita rasa sainsnya lebih dominan berbandingkan tafsirnya. Kerana kontribusi tim kauni lebih besar.

Pada tahun 2016, telah muncul karya tafsir terkini lengkap 30 juzuk iaitu *Tafsir Ijmal*. Kitab tafsir ini dikarang oleh Muhibbin Noor. Menurut Muhibbin Noor (2016) pentafsiran yang beliau lakukan berdasarkan apa yang terjadi dalam perjalanan hidupnya, beliau menemukan kasus-kasus yang terjadi pada zaman sekarang, iaitu pada saat ini masih banyak manusia yang belum mengenal al-Quran secara baik. Ertinya masih banyak diantara umat Muslim yang belum mengetahui isi kandungan al-Quran, sehingga mereka tidak mampu mengambil sesuatu yang terbaik daripada al-Quran. Bahkan membaca al-Quran pun, kebanyakan hampir tidak ada masa, apalagi sampai harus memahaminya.

Malangnya, jumlah karya tafsir menurun pada tahun 2017 iaitu hanya tiga karya diterbitkan. Akan tetapi, pada tahun 2018 jumlah karya tafsir meningkat dengan ketara sebanyak 13 telah diterbitkan dan tahun ini merupakan tahun puncak bagi perkembangan penulisan tafsir di Indonesia berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Manakala pada tahun 2019 hanya empat buah karya tafsir dihasilkan iaitu *Manusia dan Pendidikan: Perspektif Al-Quran, Psikologi Al-Quran*, dan *Tafsir Tarbawi: Nilai-Nilai Pendidikan dalam Al-Quran, Tafsir Maudhu'i : Tafsir Al-Qur'an Tematik*


Bagi melihat pembahagian dan bilangan karya tafsir di Indonesia abad ke-21 dengan lebih jelas, maka perhatikan Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Bilangan Karya Tafsir Mengikut Tahun

Rajah 1 tersebut menunjukkan bahawa jumlah karya tafsir yang dihasilkan antara tahun 2001 hingga 2002 adalah sangat sedikit berbanding dengan tahun selepas itu. Oleh yang demikian, pada tahun 2003 bilangan karya tafsir didapati sedikit meningkat dengan empat dan lima karya tafsir dihasilkan hingga 2005. Malangnya pada tahun 2006 penghasilan karya tafsir kembali berkurang. Namun demikian, tahun 2007 hingga 2010 karya tafsir yang diterbitkan kembali meningkat dengan ketara sehingga mencecah lima, sepuluh, lima dan sepuluh dan buah karya tafsir telah dihasilkan. Seterusnya, tahun 2011 menyaksikan penerbitan karya tafsir kembali menurun manakala pada tahun 2012 dan 2013 jumlah karya-karya tafsir menunjukkan peningkatan dengan penerbitan sebanyak delapan dan delapan karya tafsir dihasilkan selama 2 tahun berturut. Malangnya, karya-karya tafsir yang dihasilkan pada tahun 2014 kembali menurun dengan penerbitan sebanyak lima karya tafsir diterbitkan. Kemudian, tahun 2015 bilangan karya tafsir didapati sedikit meningkat dengan sembilan karya tafsir dihasilkan. Walaupun kembali menurun pada tahun 2016 hingga 2017 akan tetapi pada tahun 2018 karya tafsir yang diterbitkan kembali meningkat dengan ketara sehingga mencecah 13 buah karya tafsir diterbitkan. Malangnya, karya-karya tafsir yang dihasilkan pada tahun 2019 adalah sangat sedikit berbanding dengan tahun sebelumnya.


Rajah di bawah menunjukkan metode dan pendekatan tafsir yang digunakan oleh ulama dan cendekiawan di Indonesia:



Rajah 2 menunjukkan tafsiran al-Quran menggunakan pendekatan *tafsir maudu'i* menerima banyak perhatian daripada cendekiawan dan ulama di Indonesia iaitu sebanyak 62% (68 buku). Ini kerana, tafsiran dengan metode *maudu'i* membolehkan seseorang memahami masalah dan fenomena yang di bahas dan segera sampai kepada masalah dengan jalan yang singkat, praktis dan mudah. Sementara penghasilan karya-karya

*tahlili* dan *ijmali* pula menduduki tempat kedua dan ketiga dengan memperoleh sebanyak 18% (20 buku). Akhir sekali, terjemahan berada pada kedudukan terendah dengan memperoleh sebanyak 2% (2 buku).

Rajah berikut menunjukkan peratusan jenis penulisan tafsir di Malaysia iaitu karya tafsir berdasarkan kepada juzuk, surah, tertib mashaf dan ayat-ayat yang dipilih. Semua ini ditunjukkan dalam Rajah 3 di bawah:



Pentafsiran al-Quran berdasarkan ayat-ayat yang dipilih mendapat peratusan dan jumlah tertinggi sebanyak 60% (66 buku). Terikat dengan karya-karya kedua tertinggi ialah surah-surah terpilih dengan memperoleh sejumlah 24% (26 buku). Ketiga tertinggi adalah karya-karya tafsir mengikut juzuk yang dipilih iaitu sebanyak 11% (12 buku). Akhir sekali karya-karya tafsir yang disusun mengikut urutan atau tertib mashaf didapati kurang menonjol dan menerima peratusan terendah iaitu sebanyak 5% (6 buku).

## Rujukan

- Ahmad Atabik, 2014, *Perkembangan Tafsir Modern di Indonesia*, Hermeunetik, Vol. 8, No. 2.
- Indal Abror, 2002, *Potret Kronologis Tafsir Indonesia*, Jurnal Esensia, Vol. 3, No. 2.
- Islah Gusmian. 2013, *Khazanah Tafsir Indonesia: Dari Hermeneutika hingga Ideologi*. Yogyakarta: LKIS.
- Islah Gusmian, 2015, *Tafsir Al-Qur'an Di Indonesia: Sejarah Dan Dinamika*, Nun, Vol. 1, No. 1.
- M. Nurdin Zuhdi, 2012, *Hermeneutika Al-Qur'an: Tipologi Tafsir Sebagai Solusi dalam Memecahkan Isu-Isu Budaya Lokal Keindonesiaan*, Jurnal Esensia, Vol. XIII No. 2.
- M. Nurdin Zuhdi. 2014. *Pasaraya Tafsir Indonesia: Dari Kontestasi Metodologi Hingga Kontekstualisasi*. Yogyakarta: Kaukaba Dipantara.
- Mubaidillah, 2016, *Tafsir Al-Lubab Karya M. Quraish Shihab (Kajian Metodologi Tafsir Kontemporer)*, Jurnal Nur El-Islam, Vol. 3, No. 1.
- Muhibbin Noor, 2015, *Tafsir Ijmali*, Semarang: Fatawa Publishing.
- Musyrifah Susanto, 2007, *Sejarah Peradaban Islam Indonesia*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada
- Rijaluddin Yahya, Mohd Sukki Othman, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Mohammad Zaini bin Yahya, farahwahida Mohd. Yusof, Arieff sallah, Mohd Nizam Sahad, Suhaila Abdullah, Lukman Abdul Mutalib dan Wan Nordin Wan Abdullah, 2014, *Tafsir Maudu'i*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Wahidah binti Mustapa dan Muhd Najib bin Abdul Kadir. 2017. Corak Penulisan Tafsir di Malaysia Abad Ke-21 (2001-2015). Jurnal al-Turath; Vol. 2, No. 1; 2017.

- Sofyan Saha, 2015, *Perkembangan Penulisan Tafsir Al-Qur'an di Indonesia Era Reformasi*, Jurnal Lektur Keagamaan, Vol. 13, No. 1.
- Wachyuningsih, 2007, *Metode Penafsiran Ahmad Mudjab Mahalli dalam kitab Tafsir Al-Mahalli Limarifati Ayati Al-Qur'an Wazuliha*, Tesis Sarjana Muda Jabatan Tafsir Hadith, Fakulti Ushuluddin, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.